

AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA HADAPAN

# Majoriti kematian COVID-19 luar hospital tidak tahu dijangkiti

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Serdang:** Kira-kira 91 peratus kes kematian di luar hospital (BID) bagi pesakit COVID-19 adalah membabitkan mereka yang tidak mengetahui telah dijangkiti,

kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, ia adalah hasil analisis yang dijalankan Kementerian Kesihatan (KKM) membabitkan 113 kes BID dalam tempoh 5 hingga 21 Februari lalu.

Selain itu, beliau berkata, KKM juga mendapati lebih 50

peratus waris atau ahli keluarga kes BID beranggapan pesakit terbabit hanya mengalami sakit ringan dan tidak merujuknya segera ke fasiliti kesihatan.

"Kita lihat ada peningkatan kes BID iaitu mereka yang meninggal sebelum mendapat rawatan di fasiliti kesihatan dan (ang-

ka) ini membimbangkan.

"Bagi kebanyakan kes, waris atau ahli keluarga hanya mengetahui pesakit dijangkiti COVID-19 selepas proses bedah siasat dijalankan ke atas mayat," katanya dalam sidang media mengenai perkembangan semasa pandemik COVID-19, di sini,

semalam.

Sehubungan itu, Khairy menasihatkan orang ramai terutama warga emas yang mempunyai gejala seperti demam dan batuk agar segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : NASIONAL

## Kebenaran bersyarat bagi ubat keluaran Pfizer

**Putrajaya:** Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali Ke-370 yang bersidang semalam bersetuju memberikan kelulusan pendaftaran bersyarat untuk kegunaan ketika bencana bagi rawatan COVID-19 untuk ubat jenama PAXLOVID keluaran Pfizer.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kebenaran itu bagi ubatan PAXLOVID ( PF-07321332 150mg Film-Coated Tablets dan Ritonavir 100mg Film-Coated Tablets).

Katanya, pemegang pendaftaran bagi produk berkenaan adalah Pfizer (Malaysia) Sdn Bhd dan ia dikilangkan di Pfizer Manufacturing Deutschland GmbH, Jerman dan Pfizer Ireland Pharmaceuticals, Ireland.

Beliau berkata, ubat berkenaan akan digunakan untuk rawatan COVID-19 pada orang dewasa berusia 18 tahun dan ke atas, yang tidak memerlukan terapi oksigen dan berisiko tinggi untuk mendapat gejala COVID-19 yang teruk.

"Produk Paxlovid tidak bertujuan untuk digunakan sebagai pengganti bagi vaksinasi COVID-19 dan tindakan kesihatan awam terutama pematuhan prosedur operasi standard (SOP).

"Kementerian Kesihatan (KKM) ingin memaklumkan bahawa kelulusan pendaftaran bersyarat ini memerlukan maklumat kualiti, keselamatan dan keberkesanan produk antivirus dipantau serta dinilai secara berterusan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPPRA), berdasarkan data terkini dari semasa ke semasa," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, penilaian berterusan itu bagi memastikan perbandingan manfaat-berisiko (*benefit over risk*) bagi produk itu kekal positif.

Beliau berkata, KKM akan terus komited untuk mempertingkatkan akses rakyat kepada ubat-ubatan bagi rawatan atau pencegahan penularan COVID-19 di Malaysia, dengan memastikan ia dinilai dengan sewajarnya berdasarkan aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan.

Sementara itu, kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun kini boleh disuntik dengan vaksin CoronaVac sebagai pelalian terhadap COVID-19.

Katanya, keputusan itu dibuat pada mesyuarat sama yang diberikan kelulusan bersyarat adalah bagi penggunaan vaksin CoronaVac Suspension for Injection COVID-19 Vaccine (Vero Cell, Inactivated keluaran Sinovac Life Sciences Co Ltd, China dan Pharmagi Lifesciences Sdn Bhd, Malaysia kepada golongan yang berusia lima tahun hingga 11 tahun.

Penularan COVID-19

# Sembilan negeri guna lebih 50 peratus katil ICU

## Putrajaya, Perlis catat angka tertinggi pada kadar 67 peratus

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Muhammad Yusri Muzamir  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Sembilan negeri merekodkan penggunaan katil ICU melebihi 50 peratus, kelmarin bagi pesakit COVID-19 dengan angka tertinggi direkodkan di Putrajaya dan Perlis iaitu pada kadar 67 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, dalam satu kenyataan media berkata, ia diikuti Kelantan (60 peratus), Johor (59 peratus), Kuala Lumpur (58 peratus), Pahang (55 peratus), Melaka (53), Selangor (51 peratus) dan Pulau Pinang (50 peratus).

Katanya, bagi penggunaan katil bukan ICU, 11 negeri menunjukkan penggunaan melebihi 50 peratus iaitu Selangor dengan 113 peratus, Kuala Lumpur (106 peratus) dan Perak (102 peratus).

Selain itu, Kelantan (93 peratus), Perlis (91 peratus), Pahang (70 peratus), Putrajaya (67 peratus), Johor (66 peratus), Sarawak (64 peratus), Pulau Pinang (61 peratus) dan Sabah (53 peratus).

## Segera dapatkan rawatan di fasiliti kesihatan

Dari Muka 1


"Daripada survei yang KKM buat, lebih 50 peratus waris anggap sakit yang dialami mereka adalah sakit ringan dan tidak merujuk ke fasiliti kesihatan dengan cepat dan apabila dikesan ia terlalu lambat.

"Keluarga atau komuniti juga diminta pantau keadaan kesihatan warga emas. Kalau demam atau batuk sikit pun, bawa jumpa doktor. Tolonglah," katanya.

Pada sidang media itu, Khairy turut menjelaskan persepsi orang ramai mengenai kes kematian akibat COVID-19 yang menunjukkan trend meningkat ketika ini.

Beliau berkata, kadar kematian yang meningkat itu bukan berlaku dalam tempoh sehari kerana ada antara kes memerlukan siasatan lanjut.

"Seperti saya terangkan sebe-



Khairy melancarkan Hari Pendengaran Sedunia Peringkat Kebangsaan 2022 di Hospital Serdang, semalam.

(Foto BERNAMA)

Katanya, Melaka menunjukkan peratusan pengisian melebihi 50 peratus bagi Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC) iaitu 61 peratus daripada 1,049 katil.

"Seramai 194 pesakit COVID-19 memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) dengan penggunaan ventilator sebanyak 40 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19.

"Sebanyak 1,841 kes COVID-19 dimasukkan ke hospital semalam (kelmarin) iaitu 677 kes (36.8 peratus) adalah kategori 3, 4, 5 dan

1,164 kes (63.2 peratus) kategori 1 dan 2," katanya.

Mengulas perkara itu, Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin, berkata kebanyakan kes COVID-19 yang dimasukkan ke wad ICU dan katil digunakan sebagai katil ICU membabitkan pesakit berisiko tinggi, khususnya golongan komorbid atau pesakit lanjut usia.

Beliau berkata, setakat 28 Februari lalu, sebanyak 361 katil ICU untuk pesakit COVID-19 digunakan dan ia masih dalam kadar atau paras yang terkawal.

Mengulas arahan baharu kuarantin untuk kontak rapat tidak

bergejala, beliau berkata, madaai bagi golongan terbabit membuat ujian sendiri pada hari pertama dan ketiga selepas kontak dengan kes indeks.

"Jika pada hari kelima didapati positif,asingkan diri kerana kita dapati tempoh peneraman bagi varian Omicron adalah di antara tiga hingga lima hari.

"Ini adalah langkah Kementerian Kesihatan (KKM) yang sudah kita bincang dengan cermat, bagi membolehkan kita membuat peralihan kepada fasa endemik," katanya pada sidang media di Hospital Serdang.

lum ini, satu pelaporan kematian adalah dalam jangka masa 72 jam dan bagi kes yang memerlukan siasatan lanjut di lapangan boleh mengambil masa antara empat hingga enam minggu untuk dilaporkan dan diumumkan.

"Ya termasuk kes yang membabitkan bedah siasat, ujian makmal dan sebagainya," katanya.

Kelmarin, negara mencatatkan angka kematian tertinggi sejak varian Omicron melanda iaitu 115 kes dengan Johor tertinggi iaitu 25 kes, diikuti Sabah dengan 24 kes, Selangor (18), masing-masing laporan kes di Kedah dan Negeri Sembilan dan Perak dengan tujuh kes.

Khairy berkata, daripada 115 kes kematian itu, 62 atau 54 peratus membabitkan laporan yang berlaku dalam masa 72 jam manakala selebihnya iaitu 53 kematian 72 jam.

"Dalam gelombang Omicron ini,

pendekatan menyeluruh harus diambil terutama dalam melihat data kematian.

"Kematian tidak hanya merujuk kepada bilangan mutlak setiap hari, tetapi yang paling utama adalah melihat kepada Kadar Kematian Kes (CFR).

"Ini kerana apabila kita menuju ke arah endemik, CFR adalah indikator kematian yang tepat dalam memberi gambaran keadaan wabak semasa.

"Pada 2 Mac, Malaysia mencatatkan CFR sebanyak 0.2 peratus dan CFR sepanjang masa (kumulatif) pula adalah 0.9 peratus.

"Maksudnya ketika ini, CFR kita ketika gelombang Omicron adalah rendah berbanding dengan CFR kumulatif," katanya.

Kelmarin, 27,500 kes positif baharu COVID-19 direkodkan, menjadikan jumlah keseluruhan kes jangkitan wabak itu di negara ini mencecah 3,496,090.

Dalam perkembangan sama, Khairy berkata, status vaksinasi warga emas akan bertukar kepada tidak lengkap sekiranya tidak mengambil suntikan dos penggalak sebelum 1 April ini.

Pertukaran status itu akan berlaku ke atas semua penerima vaksin dalam kalangan warga emas tanpa mengambil kira jenis dos vaksin primer diterima mereka.

Selain itu, katanya, seramai 350,000 penerima dos premier vaksin CoronaVac keluaran Sinovac dalam kalangan warga emas dikenal pasti belum menerima suntikan dos penggalak.

"Mulai 1 April ini, bagi penerima dos premier Sinovac tidak kira usia dan bagi semua warga emas tidak kira jenis dos premier yang tidak mengambil dos penggalak, status siji vaksin kuning akan bertukar kepada siji putih dan ia adalah muktamad," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

## Ambil dos penggalak percepat capai fasa endemik



Timbalan Pengarah Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) Universiti Putra Malaysia (UPM)

Oleh Noor Mohamad Shakil Hameed  
bhrencana@bh.com.my

**Keputusan** Kementerian (KKM) tidak melanjutkan tempoh pemberian dos penggalak yang ditetapkan sehingga 31 Mac ini kepada penerima vaksin Sinovac adalah wajar dan tepat pada masanya.

Melihat kepada peningkatan kes jangkitan harian COVID-19 ketika ini, sudah tiba masa kerajaan perlu tegas dan wajibkan pengambilan dos penggalak kepada semua individu dewasa di negara ini kerana ia membabitkan keselamatan nyawa individu lain.

Data terkini menunjukkan lapan negeri mencatat penggunaan katil di unit rawatan rapi (ICU) melebihi 50 peratus dengan paling tinggi di Putrajaya, iaitu mencecah

67 peratus, diikuti Kuala Lumpur (65 peratus). Negeri lain yang mencatat penggunaan melebihi 50 peratus ialah Kelantan, Johor, Melaka, Perlis, Selangor dan Sabah. Selain itu, pesakit memerlukan alat bantuan pernafasan dilapor terus meningkat.

Data ini sepatutnya menginsafkan dan menyedarkan semua pihak yang ancaman COVID-19 be-

lum berakhir.

Keengganan individu mengambil dos penggalak dibimbangi meningkatkan lagi jangkitan dan kematian sehingga boleh menjejaskan perancangan negara memasuki fasa endemik.

Keengganan penerima vaksin Sinovac mendapatkan dos penggalak amat mengejutkan dan sangat tidak wajar mereka bimbang dengan kesan pengambilan hanya berpandukan keraguan tidak munasabah.

Hakikatnya, majoriti rakyat semakin memahami keperluan untuk menerima COVID-19 adalah penyakit yang kini menjadi sebahagian daripada kehidupan manusia influenza H1N1 yang tercetus pada 2009 dan kemudian menjadi endemik.

Bagaimanapun keengganan sebahagian anggota masyarakat menerima dos penggalak mengecewakan kerana ia bakal mengganggu proses kehidupan dalam fasa endemik kelak.

Berdasarkan trend peningkatan kes, jika masih ramai tidak mengambil dos penggalak, keadaan pasca pandemik pasti tidak akan berubah, iaitu kadar jangkitan terus meningkat dan tidak mustahil semakin ramai terpaksa menjalani kuarantin akibat dijangkiti COVID-19.

Walaupun KKM melonggarkan prosedur operasi

standard (SOP) dengan penetapan individu 18 tahun ke atas yang menerima dos penggalak dan menjadi kontak rapat pesakit COVID-19 tidak perlu lagi menjalani Perintah Pemantauan dan Pemeliharaan (HSO) jika tak bergejala, namun apa jaminan mereka tidak akan menyebarkan virus berkenaan.

Kesedaran diri ini sangat penting demi keselamatan diri, keluarga dan anggota masyarakat yang lain di samping membuka laluan untuk kerajaan melonggarkan lagi SOP untuk rakyat kembali menjalani kehidupan seperti biasa.

Perluasan kadar vaksinasi boleh dicapai jika semua anggota masyarakat memberi kerjasama baik, termasuk peranan ibu bapa dalam menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) yang sedang berlangsung.

Oleh itu, jika masih ramai enggan mendapatkan vaksin lengkap termasuk dos penggalak, pendekatan memujuk tidak boleh diteruskan lagi, sebaliknya kerajaan kini boleh memasuki fasa untuk 'memaksa' masyarakat mendapatkan dos penggalak dengan segera.

Sudah tiba masanya untuk KKM bertegas serta tidak bertolak ansur dengan sikap acuh tak acuh individu yang enggan mengambil dos penggalak.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : COVID-19

## JOHOR CATAT JUMLAH KORBAN TERTINGGI

# Kematian kembali meningkat

Bernama

Kuala Lumpur

Kadar kematian akibat Covid-19 kembali meningkat namun ia dilihat lebih rendah berbanding ketika negara berhadapan gelombang varian Delta, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Beliau menerusi ciapan di Twitter semalam berkata ini sekali gus membuktikan ba-

hawa, vaksin sangat berkesan melindungi diri daripada kesan buruk Covid-19 seperti memasuki ke Unit Rawatan Rapi (ICU) dan kematian.

"Mengapa CFR (kadar kematian kes) semakin turun? Sebab majoriti kes tidak serius. Walaupun jumlah kes naik mendadak, kes serius naik sedikit sahaja. Yang terkini, setiap 100,000 kes, 200 yang meninggal dunia," katanya.

Menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan (KKM), 115 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin, dengan Johor merekodkan angka tertinggi iaitu 25 kes diikuti Sabah dengan 24 kes, Selangor (18), masing-masing lapan kes di Kedah dan Negeri Sembilan dan Perak dengan tujuh kes.

Selain itu, enam kes kematian direkodkan ma-

sing-masing di Pahang dan Kuala Lumpur, Kelantan (empat), Pulau Pinang (tiga), masing-masing dua di Melaka dan Perlis serta satu kes direkodkan masing-masing, di Sarawak dan Terengganu.

Khairy yang berkongsi carta kematian per 100,000 populasi, mengikut status vaksinasi bagi tempoh 17 Februari hingga 2 Mac, yang menunjukkan kematian bagi individu berusia 80

tahun ke atas dan tidak menerima dos penggalak adalah lebih tinggi berkata, carta berkenaan jelas menunjukkan bahawa dos penggalak dapat melindungi warga emas daripada kematian akibat Covid-19.

"Sebab itu strategi kita sekarang mesti melindungi mereka yang paling berisiko tinggi seperti warga emas.

"Data kematian untuk tahun ini menunjukkan 91 peratus yang meninggal akibat

Covid-19, belum ambil dos penggalak atau booster," katanya.

Beliau berkata selain itu, jumlah kes kematian di luar hospital (BID) juga turut meningkat semula dan daripada 113 kes BID yang dianalisa bagi tempoh 5 hingga 21 Februari, hanya sembilan peratus mengetahui mereka sudah dijangkiti Covid-19 manakala baki 91 peratus disahkan positif selepas meninggal dunia.



SEORANG kanak-kanak menerima vaksin dos pertama di bawah Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKids) di PPV Axiata Arena, Bukit Jalil. - Gambar NSTP/AIZUDDIN SAAD

## 27,500 kes baharu kelmarin

Kuala Lumpur: Sebanyak 27,500 kes baharu Covid-19 direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), kelmarin.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, angka itu menjadikan 3,496,090 kes kumulatif direkodkan di Malaysia.

Menurutnya, sebanyak 27,311 kes membabitkan kategori satu dan dua manakala bakinya adalah kategori tiga hingga lima.

Katanya, sebanyak 360 kes memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) manakala 194 kes memerlukan bantuan pernafasan.

"Semalam (kelmarin) se-

banyak 1,841 kes baharu Covid-19 dimasukkan ke hospital dengan 677 adalah kategori tiga hingga lima manakala bakinya bagi kategori satu dan dua.

"Terlepas juga kes Covid-19 berisiko tinggi dari kategori satu dan dua yang memerlukan kemasukan ke Pusat Kuarantin Dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Menurutnya, terdapat perbezaan di antara data harian kemasukan kes Covid-19 ke hospital, berbanding kes Covid-19 kategori satu hingga lima yang ba-

haru didiagnosa pada setiap hari.

Katanya, ini kerana keadaan klinikal pesakit yang dinamik dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang dijangkiti Covid-19.

"Secara keseluruhannya, setiap negeri bersedia dengan pelan tindak balas cepat sekiranya berlaku peningkatan kes yang memerlukan kemasukan ke PKRC, hospital dan ICU," katanya.

Katanya, secara purata nilai kadar kebolehhangkitan atau R-naught (Rt) di Malaysia adalah 1.0 dengan Sarawak merekodkan Rt tertinggi dengan 1.43.

## 62.9% dewasa terima dos penggalak

Kuala Lumpur: Seramai 14,810,832 individu dewasa atau 62.9 peratus daripada populasi kumpulan itu di negara ini sudah menerima dos penggalak Covid-19 setakat kelmarin.

Berdasarkan data di laman web CovidNow, sejumlah 22,951,398 atau 97.5 peratus daripada populasi sama telah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 23,231,225 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Bagi populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun, sebanyak 929,733 individu atau 26.2 peratus kumpulan itu telah menerima dos pertama vaksin

Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKKids).

Bagi remaja berusia 12 hingga 17 tahun, sebanyak 2,802,265 individu atau 90.1 peratus daripada populasi itu telah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,898,437 atau 93.2 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Vaksinasi harian kelmarin menyaksikan sebanyak 97,534 dos vaksin diberikan meliputi 26,923 dos pertama, 1,389 dos kedua dan 69,222 dos penggalak, menjadikan jumlah kumulatif dos vaksin yang diberikan di bawah Program Imunisasi

Covid-19 Kebangsaan (Pick) sebanyak 67,416,313.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 115 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Johor merekodkan angka tertinggi iaitu 25 kes.

Ia diikuti Sabah dengan 24 kes, Selangor (18), masing-masing lapan kes di Kedah dan Negeri Sembilan, Perak (tujuh), enam kes masing-masing di Pahang dan Kuala Lumpur, Kelantan (empat), Pulau Pinang (tiga), masing-masing dua di Melaka dan Perlis serta satu kes direkodkan masing-masing di Sarawak dan Terengganu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

PROGRAM IMARAH MASJID DITERUSKAN SEPERTI BIASA

# Tiada perubahan pada Ramadan

Oleh Yusmizal  
Dolah Aling  
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur


**P**rogram pengimaran masjid pada bulan Ramadan diteruskan seperti biasa tanpa sebarang perubahan.

Bagaimanapun, ia masih bergantung kepada keadaan semasa dan juga saranan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) terutama ketika jangkitan Covid-19 masih lagi tidak menentu di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Agama), Datuk Idris Ahmad berkata, setakat ini prosedur operasi standard (SOP) biasa akan digunakan dan mungkin akan ada kelonggaran mengikut kesesuaian.

"Setakat hari ini belum lagi kita putuskan. Tapi tidaklah kita kata nak tutup masjid. Masjid kita tak tutup."

"Mungkin kita laksanakan macam biasa, mungkin ada lagi SOP yang agak longgar



SETAKAT ini prosedur operasi standard (SOP) biasa akan digunakan dan mungkin akan ada kelonggaran mengikut kesesuaian.

sikit. Itu bergantung kepada keadaan," katanya selepas Majlis Pelancaran Sumbangan Tablet Kepada Pelajar dan Bantuan Wi-Fi, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (Maiwp), semalam.

Hadir sama, Pengerusi Maiwp, Tan Sri Mohd Daud Bakar.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau turut menyeru masjid di negara ini memperbanyakkan program bersesuaian dengan fungsinya sebagai pusat perkembangan ekonomi dan sosial.

Katanya, masjid perlu dihidupkan seperti zaman Rasulullah SAW supaya ia menjadi bukan saja tempat untuk solat semata-mata.

"Seruan saya adalah supaya program diperbanyakkan. Kita hendak masjid hidup balik macam zaman Rasulullah SAW, bila dia sampai ke Madinah, dia bina masjid."

"Kita hendak masjid menjadi sebagai tempat pelajaran, sosial dan juga perkembangan ekonomi, jadi kita hendaklah aktif," katanya.



PETUGAS perubahan memberikan suntikan vaksin Covid-19 dos pertama kepada kanak-kanak di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Offsite Tapak Ekspo Seberang Jaya, kelmarin. - Gambar: NSTP/DANIAR SAAD

## Sebanyak 412 PPV tambahan dibuka: KKM

Kuala Lumpur: Seramai 904,368 kanak-kanak berusia lima hingga 12 tahun sudah mendapatkan suntikan vaksin Covid-19 sehingga Selasa lalu.

Timbalan Menteri Kesihatan 1, Datuk Dr Noor Azmi Ghazali berkata, jumlah itu direkodkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sejak Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan untuk Kanak-Kanak (PICKids) bermula 3 Februari lalu.

Menurutnya, KKM juga menambah Pusat Pemberian Vaksin (PPV) bagi PICKids sempena cuti sekolah bermula 26 Februari lalu.

"Sebanyak 412 PPV tambahan dibuka bagi membo-



DR Noor Azmi

lehkan PICKids secara walk in di seluruh negara dijalankan.

"Sejak 1 Mac lalu, beberapa PPV di Lembah Klang sudah mula menerima kanak-kanak yang datang untuk menerima suntikan se-

cara walk-in," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, bagi ibu bapa yang masih belum menerima janji temu suntikan untuk anak mereka boleh terus ke PPV secara walk in.

Katanya, jika kuota vaksin pada hari berkenaan kehabisan, ibu bapa boleh datang semula keesokannya atau mendaftar untuk mendapatkan slot vaksinasi menerusi MySejahtera.

"Ibu bapa yang mendaftarkan anak mereka menerusi aplikasi itu akan diberikan pautan janji temu membolehkan mereka memilih tarikh dan lokasi mengikut kesesuaian," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO  
 MUKA SURAT : 13  
 RUANGAN : LOKAL

## Kaji keperluan dos penggalak di masjid

**Padang Terap:** Kerajaan negeri akan mengkaji keperluan hanya membenarkan individu lengkap suntikan vaksin dos penggalak ke tempat awam termasuk masjid berikutan kes Covid-19 yang semakin meningkat di negeri ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Muhammad Sanusi Md Nor berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri dalam tempoh terdekat.

"Ada ramai orang tidak faham hal yang dibangkitkan mengenai prosedur operasi standard (SOP) di masjid. Sebenarnya ada keperluan yang kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) berbuat demikian (dos penggalak).

"Saya akan panggil untuk Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri bagi lihat semua kemungkinan itu sama ada perlu atau

tidak lengkap dos penggalak untuk ke masjid dan tempat awam, kita akan kaji dalam mesyuarat itu nanti," katanya.

Muhammad Sanusi berkata, setakat ini beliau belum pasti mengenai jumlah individu di Kedah yang sudah menerima suntikan dos penggalak namun jumlah kanak-kanak yang menerima vaksin sudah melebihi 51,000 orang menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids).

Beliau sangat berharap orang ramai dapat mematuhi SOP walaupun individu yang dijangkiti varian Omicron tidak begitu serius.

"Saya sendiri turut ambil langkah kuarantin diri selama lima hari apabila isteri dan anak saya positif Covid-19 baru-baru ini, buat sementara waktu isteri dan anak saya duduk rumah lain dan saya rumah lain," katanya.

## PENINGKATAN KEMATIAN KES BID

### Pesakit tidak tahu dijangkiti koronavirus


**Serdang:** Kira-kira 91 peratus kes kematian di luar fasiliti kesihatan (BID) memabitkan individu yang tidak mengetahui mereka dijangkiti Covid-19, kata Menteri Kesihatan Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, ia merupakan analisa dijalankan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memabitkan 113 kes BID dalam tempoh 5 hingga 21 Februari lalu.

"Kita lihat, peningkatan kes BID iaitu mereka yang meninggal sebelum mendapat rawatan di fasiliti kesihatan, dan ia membimbangkan.

"Kita sudah buat analisa dalam tempoh tersebut dan mendapati 91 peratus tidak mengetahui mereka dijangkiti Covid-19...apabila KKM uji dan didapati positif," katanya dalam sidang media perkembangan situasi Covid-19 di sini semalam.

Sehubungan itu, Khairy menasihatkan orang ramai terutamanya warga emas



SEBANYAK 113 kes BID dicatatkan dalam tempoh 5 hingga 21 Februari lalu.

yang mempunyai gejala seperti demam dan batuk, untuk segera mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.

"Berdasarkan survei yang KKM buat, lebih 50 peratus waris anggap sakit yang dialami mereka adalah sakit ringan dan tidak merujuk ke fasiliti kesihatan dengan cepat, dan apabila kesan ia terlalu lambat," katanya.

Mengenai pelaporan kematian akibat Covid-19, Khairy berkata bermula 1 Mac lalu, proses pelaporan

kematian akibat Covid-19 diumumkan mengikut angka pelaporan yang diterima dari lapangan setiap hari.

"KKM menambahbaik proses pelaporan kematian. Sebelum ini, laporan kematian yang diterima hanya diumumkan setelah proses pendaftaran kes di peringkat negeri selesai dan ia mengambil masa yang agak panjang sebelum ia diumumkan.

"Oleh itu, terdapat sebilangan kes yang tertunda

untuk diumumkan dan ini adalah satu daripada faktor yang menyumbang kepada tunggakan bagi pengumuman kes kematian Covid-19," katanya.

Beliau berkata bagi memastikan ketepatan masa atau *timeliness* pelaporan kematian Covid-19, kes kematian tidak lagi menunggu pendaftaran kes dan perlu dilaporkan dalam jangka masa 72 jam setelah kematian terjadi sebagaimana ditetapkan KKM.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 10

RUANGAN : PARLIMEN

## Sepuluh dewasa di Malaysia alami masalah obesiti

**KUALA LUMPUR** - Masalah obesiti dan berat badan berlebihan di Malaysia kini berada pada tahap yang membimbangkan apabila separuh atau 50.1 peratus dewasa di negara ini berdepan dengan masalah berkenaan.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin Abu Bakar berkata, ia berdasarkan laporan Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019 (NHMS 2019) baru-baru ini.

Beliau berkata, prevalen obes menunjukkan kadar peningkatan yang agak tinggi saban tahun berbanding kajian sebelumnya iaitu NHMS 2006 (14.0 peratus) NHMS 2011 (15.1 peratus) dan NHMS 2015 (17.7 peratus).

Jelasnya, NHMS yang fokus pada pemakanan akan dijalankan pada 2024.

"Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah merangka strategi yang menyeluruh bagi menangani isu ini seperti digariskan dalam pelan tindakan jangka masa panjang di bawah Pelan Tindakan Pemakanan Kebangsaan Malaysia NPANM III (2016-2025), Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit (2016-2025) dan Polisi Menangani Obesiti di Malaysia (2016-2025).

"Selain itu, KKM juga menubuhkan



KHAIRY

Jawatankuasa Kerja Menangani Masalah Obesiti bagi mencadangkan tindakan yang drastik bersesuaian dengan situasi semasa dalam menangani masalah obesiti.

"Jawatankuasa ini telah membentuk dokumen Policy Option To Combat Obesity in Malaysia yang mengandungi 48 polisi menangani masalah obesiti di Malaysia untuk dilaksanakan dalam masa 10 tahun," katanya menjawab pertanyaan **Datuk Dr Shahrudin Md Salleh (Pejuang-Sri Gading)** dalam jawapan bertulis di Dewan Rakyat.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 16

RUANGAN : SUARA SINAR HARIAN

# Pecutan terakhir penerima vaksin Sinovac

ANALISIS  
MUKA 16MUHAMMAD AMIRUL  
AMIN ABDUL RAHIM

Program vaksinasi sudah tidak asing dengan rakyat Malaysia terutama dalam kalangan kanak-kanak berusia 0 hingga 5 tahun dan ini termasuk vaksin mencegah penyakit tiga serangkai (DPT), polio, measles, mumps, rubella dan HPV (human papilloma virus mencegah kanser serviks).

Terbaharu, berikutan pandemik Covid-19 yang melanda dunia, vaksin virus itu turut diperkenalkan bagi melindungi orang ramai daripada terkena jangkitan.

Jenis-jenis vaksin sedia ada diuluskan di Malaysia adalah vaksin mRNA, iaitu mengandungi genetik RNA virus (Pfizer BioNtech dan Moderna), *inactivated vaccine* atau salinan virus yang telah dibunuh (Sinopharm dan Sinovac) dan vektor vaksin tidak bereplikasi iaitu AstraZeneca dan Johnson & Johnson.

Oleh kerana terdapat beberapa jenis vaksin dan metode pembangunan vaksin berbeza-beza, maka kajian klinikal untuk melihat keberkesanan turut menghasilkan sedikit perbezaan.

Kajian awal mendapati, walaupun dengan dua inokulasi primer vaksin jenis Sinovac, keberkesanan mereka dalam menghasilkan *neutralising* antibodi adalah yang paling rendah melawan Covid-19, termasuk strain terkini Omicron.

Vaksin penggalak (*booster*) ada-

lah vaksin ketiga diberi kepada rakyat setelah didapati dua vaksin primer pertama menjadi kurang berkesan dalam jangka masa lama dan meningkatkan semula risiko jangkitan Covid.

Pakar Perubatan Kesihatan Masyarakat Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia, Profesor Dr Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, *booster* jenis Prizer (selepas 2 dos primer Sinovac), dikatakan berjaya menghasilkan tahap antibodi melawan Omicron yang baik, tetapi adalah 7.3 kali lebih rendah berbanding jika menentang strain varian asal Wuhan yang lama.

Jelasnya, kajian daripada syarikat pengeluar Sinovac Biotech sendiri menegaskan tiga dos Sinovac adalah 94 peratus memadai melawan varian Omicron.

Kajian juga menunjukkan peranan *booster* semakin diperlukan selepas terjadinya mutasi dan varian baharu Omicron ini.

Tambah beliau, sebelum kemunculan Omicron, kadar keberkesanan vaksin Sinovac dikatakan rendah berbanding vaksin lain, dengan anggaran hanya 51 peratus perlindungan terhadap infeksi bersimptom, tetapi perlindungan meningkat terhadap jangkitan lebih parah.

Dalam erti kata lain, penerima vaksin Sinovac perlu mengambil suntikan *booster* bagi membantu tubuh badan melawan varian Covid-19 yang bermutasi.

Sebelum ini juga, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengesahkan semua individu berusia 60 tahun ke atas atau penerima dos lengkap vaksin Sinovac berusia 18 tahun ke atas perlu mengambil suntikan dos penggalak bagi mengekalkan status

vaksinasi lengkap sehingga 31 Mac.

Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin berkata, jika gagal berbuat demikian, status mereka akan dianggap tidak lengkap vaksinasi dan maklumat itu akan tertera di dalam aplikasi MySejahtera.

"Sekiranya tidak, sijil digital itu akan bertukar warna kepada putih, maksudnya status vaksinasi penuh tidak lagi diberikan dan sekatan akan dibuat di pintu masuk tertentu," kata Khairy.

Perlu diingatkan, tempoh pemberian dos penggalak ini tidak akan dilanjutkan lagi dan orang ramai diminta segera berbuat demikian bagi melindungi diri daripada terkena kesan teruk daripada jangkitan Covid-19.

Dalam pada itu, Khairy berkata, walaupun kemasukan ke hospital ketika gelombang Omicron menunjukkan trend peningkatan namun kadar discaj dari hospital turut meningkat memandangkan kadar sembuh yang tinggi selain tempoh rawatan di hospital tidak berpanjangan.

Apa yang pasti tindakan kerajaan dalam mengesahkan rakyat terutamanya penerima vaksin Sinovac untuk mendapatkan dos penggalak adalah demi kebaikan mereka sendiri.

Tidak perlu menuding jari dan menuduh kerajaan mempunyai agenda tersembunyi kerana ia hanya demi untuk melindungi diri kita.

Kita tidak tahu sampai bila virus Covid-19 ini akan berada di muka bumi. Siapa lagi yang boleh membantu menghentikan virus ini jika kita tidak mengambil inisiatif seperti suntikan vaksin bagi melindungi diri sendiri.

\* Muhammad Amirul Amin Abdul Rahim ialah pencipta kandungan sosial media Sinar Harian



Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

## Ujian swab jangan sampai jadi beban kewangan kepada rakyat marhaen

KIRI positif, kanan positif, depan positif dan belakang pun ada kes positif.

Demikianlah hendak menggambarkan makin kerap dan banyak kes positif Covid-19 hari ini.

Seperti kata gurauan yang Merak Jalanan baca di media sosial baru-baru ini, jika anda tidak ada ahli keluarga atau kawan yang positif maksudnya anda mungkin hidup bersorangan.

Merak Jalanan pun dah makin bimbang hampir setiap hari ada sahaja ke-dengaran kes positif.

Rakan sepejabat, rakan sepermainan badminton, sanak saudara di kampung, pendek kata ada sahaja kes saban hari.

Bagaimanapun, mengikut naratif pihak kerajaan, dalam menuju fasa endemik, kes Covid-19 yang tinggi ini akan jadi sesuatu yang normal dan biasa.

Macam mana kita lihat kes selesema itu biasa, begitulah kes positif ini.

Pun begitu, jangan dilupa dengan kita hidup semakin normal hari ini dan peningkatan kes Covid-19, sudah tentunya kita akan lebih kerap menjalani ujian swab.

Merak Jalanan sendiri sudah terpaksa membelanjakan sebanyak hampir RM200 dalam dua minggu ini untuk dua ujian RTK di klinik (RM60 caj setiap ujian) dan enam kit ujian sendiri.

Kit ujian sendiri pula terpaksa dibeli di klinik dan kedai serbaneka pada harga RM5 hingga RM15 setiap satu memandangkan ada premis yang menetapkan had unit pembelian.

Khabarnya banyak premis yang sudah kekurangan bekalan kit ujian sendiri gara-gara permintaan tinggi.

Apa yang Merak Jalanan harapkan, kerajaan mungkin perlu melihat isu akses kepada ujian swab ini secara lebih mendalam memandangkan kes yang tinggi turut meningkatkan permintaan terhadap ujian swab.

Kerajaan perlu melihat dari segi bekalan ujian kit sendiri dan sudah tentunya harga ujian di pusat perubatan yang bagi rakyat marhaen, ujian sehingga dua atau tiga kali sebulan di klinik pasti memberi beban kewangan kepada mereka.




AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 23
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Kadar kematian Covid-19 meningkat

Namun masih rendah berbanding gelombang varian Delta

KUALA LUMPUR

Kadar kematian Covid-19 kembali meningkat, namun ia dilihat lebih rendah berbanding ketika negara berhadapan gelombang varian Delta, kata Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin. Beliau menerusi ciapan di Twitter pada Khamis berkata, ini sekali gus membuktikan bahawa vaksin sangat berkesan melindungi diri daripada kesan buruk Covid-19. "Mengapa CFR (kadar kematian kes) semakin turun?"



Info kematian akibat Covid-19 setakat 2 Mac.

Sebab majoriti kes tidak serius. Walaupun jumlah kes naik mendadak, kes serius naik sedikit sahaja. Yang terkini, setiap 100,000 kes, 200 yang meninggal dunia," katanya. Menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan (KKM), 115 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan pada Rabu, dengan Johor merekodkan angka tertinggi

iaitu 25 kes, diikuti Sabah dengan 24 kes, Selangor (18), masing-masing lapan kes di Kedah dan Negeri Sembilan dan Perak dengan tujuh kes. Selain itu, enam kes kematian direkodkan masing-masing di Pahang dan Kuala Lumpur, Kelantan (empat), Pulau Pinang (tiga), masing-masing dua di Melaka dan Perlis serta satu kes direkodkan masing-masing, di

Sarawak dan Terengganu. Beliau berkata selain itu, jumlah kes kematian di luar hospital (BID) juga meningkat semula dan daripada 113 kes BID yang dianalisa bagi tempoh 5 hingga 21 Februari, hanya sembilan peratus mengetahui mereka telah dijangkiti Covid-19 manakala baki 91 peratus disahkan positif selepas meninggal dunia. - Bernama

Malaysia lulus penggunaan pil Paxlovid

SHAH ALAM - Malaysia meluluskan penggunaan pil untuk rawatan Covid-19 keluaran Pfizer, Paxlovid secara pendaftaran bersyarat untuk kegunaan semasa bencana. Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, perkara itu diputuskan dalam mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) kali ke-370 yang bersidang pada Khamis. Katanya, pil berkenaan membabitkan gabungan molekul baharu, PF-07321332 dan ritonavir antiviral HIV yang perlu diambil sebagai tablet berasingan. "Indikasinya adalah digunakan untuk rawatan Covid-19 kepada orang dewasa berumur 18 tahun dan ke atas yang tidak memerlukan terapi oksigen serta berisiko tinggi untuk mendapat gejala Covid-19 yang teruk (severe). "Produk Paxlovid tidak bertujuan digunakan sebagai pengganti bagi vaksinasi Covid-19 dan tindakan kesihatan awam terutamanya pematuhan prosedur operasi standard (SOP)," katanya dalam kenyataan pada Khamis. Pada Disember lalu, media melaporkan pengawal selia ubat-ubatan bawah Kesatuan Eropah (EU) membenarkan negara anggota untuk menggunakan pil baharu Covid-19 keluaran Pfizer, walaupun ubat tersebut



DR NOOR HISHAM

belum diberikan kelulusan rasmi. Ia sebagai langkah kecemasan untuk mengekang gelombang penularan pantas virus terbahit yang dipacu varian Omicron. Mengulas lanjut, Dr Noor Hisham menegaskan bahawa kelulusan pendaftaran bersyarat tersebut memerlukan maklumat kualiti, keselamatan dan keberkesanan produk antivirus dipantau serta dinilai secara berterusan oleh Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), berdasarkan data-data terkini dari masa ke masa. Kata Dr Noor Hisham, ia bagi memastikan perbandingan manfaat-berisiko (benefit over risk) bagi produk tersebut kekal positif. "KKM akan terus komited mempertingkatkan akses rakyat kepada ubat-ubatan bagi tujuan rawatan atau pencegahan penularan Covid-19 di Malaysia, dengan memastikan ia dinilai dengan sewajarnya berdasarkan aspek kualiti, keselamatan dan keberkesanan," kata beliau. Pemegang pendaftaran produk pil itu adalah Pfizer (Malaysia) Sdn Bhd manakala pengilang, Pfizer Manufacturing Deutschland GmbH, Jerman dan Pfizer Ireland Pharmaceuticals, Ireland.

SOP tarawih belum diputuskan - Idris

KUALA LUMPUR - Kerajaan belum memutuskan penetapan prosedur operasi standard (SOP) solat tarawih dan imarah masjid sepanjang bulan Ramadan. Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Idris Ahmad berkata, sebarang perubahan SOP adalah bergantung kepada situasi semasa dan saranan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). "Setakat hari ini kita belum memutuskan SOP Ramadan tetapi tidak bermakna masjid ditutup. Garis panduan mungkin menggunakan SOP sedia ada atau dilonggarkan. "Ia bergantung kepada keadaan dan nasihat KKM kemudian kita akan berbincang dengan pihak berkuasa agama negeri," katanya mengulas SOP imarah masjid dan surau sepanjang Ramadan. Beliau ditemui pada majlis pelancaran sumbangan tablet kepada pelajar dan bantuan WiFi Majlis Agama Islam, Wilayah

Persekutuan di Surau Jumaat At-Taqwa Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Baru Air Panas, di sini pada Khamis. Hadir sama, Pengerusi MAIWP, Tan Sri Mohd Daud Bakar dan Pengerusi Pertubuhan Dana Kita, Mohd Fadli Mohamed Salleh. Mengenai program itu, Idris berkata, MAIWP memperuntukkan sebanyak RM9.3 juta bagi bantuan tablet kepada 5,000 pelajar asnaf dan RM600,000 untuk pemasangan WiFi di dewan atau surau melibatkan 10 PPR terpilih di Wilayah Persekutuan. Selain itu katanya, MAIWP turut menyalurkan RM614,000 kepada Pertubuhan Dana Kita bagi melaksanakan makmal internet bergerak menggunakan sebuah bas dilengkapi kemudahan komputer yang akan ke kawasan kediaman penduduk sekitar Kuala Lumpur secara berkala.



Idris (tiga dari kiri) menyempurnakan simbolik penyerahan cek bantuan tablet kepada pelajar asnaf di PPR Kampung Baru Air Panas pada Khamis.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

## 8,145 ubat beracun

### Dari muka 1

“Sebagai contoh, penggunaan ubat kuat atau perangsang seks yang dicampur racun berjadual seperti *sildenafil* dalam jumlah yang tinggi dan tanpa pemantauan doktor boleh memberi kesan negatif seperti merasa mual, muntah-muntah, muka kemerahan-merahan dan pening.

“Selain itu, bahan-bahan ini meningkatkan tekanan darah dan denyutan jantung dan seterusnya meningkatkan risiko serangan jantung dan strok terutamanya bagi mereka yang mempunyai penyakit darah tinggi, kencing manis serta masalah buah pinggang,” katanya.

Menurut Norhaliza, sepanjang tahun lalu, pihaknya telah melakukan serbuan ke atas 1,202 premis menjual produk tidak berdaftar dengan nilai rampasan sebanyak RM22,275,319.

Bagi tahun ini, pula katanya, sehingga Januari lalu, sebanyak 130 premis diseluruh negara telah diserbu dengan nilai rampasan ubat tidak berdaftar bernilai RM1,681,532.

“Serbuan terbabit hasil 1,107 aduan yang diterima bagi tempoh tahun lalu hingga Januari lalu. Tindakan penguatkuasaan itu juga membuktikan KKM mengambil serius mengenai penjualan ubat tidak berdaftar.

“Selain daripada tindakan penguatkuasaan yang berterusan, KKM juga sentiasa menasihati orang ramai agar berhati-hati semasa membeli sebarang produk kesihatan dan pastikan ia mendapat kelulusan.

“Orang ramai boleh menyemak kesahihan nombor pendaftaran produk atau notifikasi kos-



**BANYAK** produk kesihatan dan ubatan-ubatan yang dijual dalam platform e-dagang tidak berdaftar dengan PBKD.

metik dengan melayari <https://www.npra.gov.my> atau dengan menghubungi Bahagian Regulatori Farmasi Negara di talian 03-7883 5400.

“Selain itu, orang ramai boleh memuat turun aplikasi NPRA Product Status daripada Google Play Store, App Store atau Huawei AppGallery bagi tujuan semakan tersebut,” katanya ketika dihubungi semalam.

Sementara itu katanya, Kementerian berkenaan tidak memberikan sebarang cop kepada ubat-ubatan atau produk, sebaliknya, ubat atau produk ini perlu berdaftar dengan PBKD sebelum ia boleh dipasarkan.

“Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) akan menilai data kualiti, keselamatan dan keberkesanan ubat-ubatan atau

produk tersebut dan kelulusan akan dikeluarkan oleh PBKD jika penilaian tersebut didapati memuaskan.

“Produk yang telah diluluskan akan diberikan lapan nombor pendaftaran dan dihadapannya (No. MAL) diikuti huruf A (ubat terkawal), X (am atau over-the-counter), T (ubat kesihatan) dan N (suplemen kesihatan) serta mempunyai pelekat keselamatan Hologram,” katanya.

Dalam pada itu katanya, Bahagian Penguatkuasaan Farmasi akan terus telah meningkatkan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan melibatkan pengiklanan dan penjualan ubat tidak berdaftar secara dalam talian pada masa akan datang bagi melindungi pengguna.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

350,000 warga emas belum ambil vaksin penggalak Covid-19

## Berisiko maut jika dijangkiti

Oleh OMAR ZIN  
utusannews@mediamulla.com.my

**PETALING JAYA:** Kira-kira 350,000 warga emas yang sudah lengkap menerima vaksin Sinovac tetapi belum mengambil vaksin penggalak dinasihat segera berbuat demikian memandangkan mereka termasuk dalam kumpulan berisiko maut sekiranya dijangkiti Covid-19.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pakar kesihatan komuniti Fakulti Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Sharifa Ezat Wan Puteh berkata, kajian mendapati kumpulan berkenaan berisiko tinggi untuk dijangkiti Covid-19, malah dua dos vaksin yang diterima tidak cukup untuk menghalang jangkitan varian Omicron.

“Warga emas yang ada masalah kesihatan atau komorbid seperti darah tinggi, kencing manis dan strok sememangnya berisiko tinggi untuk dijangkiti Omicron.

“Bukan Sinovac tidak berkesan langsung, tetapi, kurang keberkesannya terhadap jangkitan Omicron. Kalau tidak segera ambil dos penggalak, jika dijangkiti, besar kemungkinan akan berada dalam kategori 3, 4 atau 5,” katanya ketika dihubungi semalam.

Pada masa sama, katanya, warga emas yang tidak mengam-



SEORANG remaja mendaftar untuk mengambil vaksin penggalak Covid-19 secara walk-in di sebuah pasar raya di Kuantan, Pahang, semalam. - UTUSAN/SHAIKH AHMAD RAZIF

bil dos penggalak juga berpotensi menjadi penyebar wabak.

“Mereka boleh jadi pembawa, boleh tersebar di rumah, menjangkiti suami, isteri dan anak-anak, ini yang membimbangkan,” katanya.

Beliau mengulas kenyataan Menteri Kesihatan, Khairy Jamaluddin yang merayu kepada 350,000 penerima dos primer Sinovac berusia 60 tahun ke atas supaya mendapatkan dos

penggalak dengan segera.

“Sinovac mempunyai keberkesanan sederhana berbanding Pfizer dan masih ada 350,000 warga emas yang sudah ambil dos primer Sinovac belum menerima dos penggalak.

“Omicron tidak seteruk Delta tetapi bagi warga emas dengan komorbiditi, ia bukan penyakit yang ringan. Ia masih penyakit yang boleh mengancam nyawa,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan anak-anak yang ada ibu bapa atau saudara mara dalam kelompok berkenaan tampil membawa individu tersebut ke Pusat Pemberian Vaksin (PPV).

“Sekarang pun, Kementerian sudah membenarkan mereka yang belum ambil dos penggalak untuk dapat datang secara terus ke mana-mana lokasi PPV berhampiran,” katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
 MUKA SURAT : 9  
 RUANGAN : DALAM NEGERI

## KKM jangan angkuh isu dos penggalak

**KUALA LUMPUR:** Kementerian Kesihatan (KKM) jangan angkuh memaksa rakyat mengambil dos penggalak dengan membuatkan status vaksinasi mereka bertukar kepada 'Tidak Lengkap'.

Tiong King Sing (Bintulu-GPS) berkata, rakyat makin hilang keyakinan kepada dos penggalak selepas semakin ramai mengesahkan mereka mengalami komplikasi namun tidak dipandang serius oleh pihak KKM.

"Kenapa kita tidak boleh berdiri dengan rakyat dalam hal ini. Menteri-menteri KKM jangan degil tapi fikirilah untuk rakyat. Ada juga kawan-kawan saya selepas ambil dos penggalak, tangan mereka menjadi lemah dan bila pergi periksa, hanya diberitahu bahawa itu komplikasi tapi tiada apa yang dilakukan oleh KKM.

"Jika pengarah kesihatan kita bukan pakar untuk kesihatan awam maka kita perlu

carilah pakar.

"Jangan hanya fikir satu orang sahaja yang boleh memberikan cadangan yang terbaik. Kalau betul terbaik, tidak berlakulah kes yang turun naik seperti saham. Mengapa kita buat tidak tahu pula?"

"KKM perlu kaji mengapa ramai tidak mahu ambil dos penggalak daripada membuat ugutan kepada rakyat. Perkara ini perlu teliti semula. KKM sepatutnya mampu untuk menyakinkan rakyat untuk mengambil vaksin," katanya di Dewan Rakyat.

King Sing turut menyebut mengenai pampasan komplikasi vaksin Covid-19 yang berlaku pada ramai individu.

"Rakyat tanya pada saya, kerajaan lain bagi rakyat tuntutan wang pampasan sehingga setengah juta tapi kalau dalam Malaysia dan berlaku komplikasi, kemungkinan hanya dua orang yang boleh tuntutan pampasan itu," katanya.

## Sembuh atasi positif

Oleh **PETAH WAZZAN ISKANDAR**  
 utusannews@mediamulla.com.my

**PUTRAJAYA:** Malaysia kembali mencatat peningkatan kes positif Covid-19 semalam apabila merekodkan 27,500 kes positif berbanding kelmarin, 25,854 kes tetapi diatasi 27,557 kes sembuh.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pesakit Covid-19 yang memerlukan rawatan di unit rawatan rapi (ICU) semalam, merekodkan penurunan, 360 kes berbanding kelmarin, 374 kes.

Katanya, jumlah pesakit Covid-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan turut merekodkan penurunan kepada 194 kes berbanding kelmarin, 213 kes.

"Bagi kluster Covid-19 baharu pula merekodkan peningkatan sembilan kluster berbanding kelmarin, tujuh kluster sekali gus menjadikan jumlah kluster terkumpul sejak pandemik melanda negara iaitu 6,798 kluster.

"Kluster aktif dengan jumlah



**KES sembuh akibat Covid-19 mengatasi kes positif baharu semalam yang antara lainnya disebabkan pengambilan dos penggalak.**

terkini kekal 475 kluster seperti jumlah kelmarin, 475 kluster manakala jumlah kluster yang telah tamat sebanyak 6,323 kluster berbanding kelmarin, 6,314 kluster," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dr. Noor Hisham berkata, sebanyak 189 kes bersamaan 0.69 peratus daripada 27,500 kes positif Covid-19 hari ini, adalah kategori tiga, empat dan lima.

Katanya, baki kes harian, 27,311 kes bersamaan 99.31 peratus adalah terdiri daripada kategori satu dan dua.

"Bagi 152 kes kategori tiga, empat dan lima, 25 kes atau 13.23 peratus tidak divaksinasi atau belum lengkap divaksinasi dan 89 kes atau 47.09 peratus telah menerima dua dos vaksin Covid-19 tetapi belum menerima dos penggalak.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 18

RUANGAN : FORUM



PESAKIT kanak-kanak dilaporkan mula memenuhi wad unit rawatan rapi (ICU) dewasa di hospital susulan peningkatan kemasukan kes Covid-19. - GAMBAR HIASAN/FAISOL MUSTAFA

## Arahan mansuh kuarantin dianggap tergesa-gesa?

SAUDARA PENGARANG,

**MENTERI** Kesihatan, Khairy Jamaluddin mengatakan tidak lagi perlu kuarantin bagi kontak rapat kepada pesakit Covid-19 seperti sebelum ini. Ia dilihat bertentangan dengan perkembangan varian Omicron yang mudah merebak serta dijangkiti.

Beberapa pengguna media sosial berkongsi pengalaman mereka dijangkiti virus berkenaan selepas lima hari atau tamat tempoh kuarantin (*post Covid-19*). Jadi, masih perlukah kerajaan tarik balik arahan kuarantin?

Malah kerajaan perlu faham, masih ramai lagi rakyat tidak bertanggungjawab yang bebas berada di luar mahupun ke pejabat walaupun merupakan kontak rapat. Malah ada juga yang bergejala tetapi masih degil ke tempat awam dan bekerja di pejabat. Lebih parah, kontak rapat boleh pula bercuti menaiki penerbangan sehingga menyebabkan jangkitan kepada pihak lain.

